



KEMENTERIAN KERJA RAYA

MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PEMBUKAAN SEMULA LALUAN LPT1 DI KM117 ARAH BARAT LEBUHRAYA PANTAI TIMUR 1 (LPT1)

TEMERLOH, PAHANG— Susulan kegagalan cerun tambakan bagi projek tebatan banjir di KM117.8 hingga KM117.9 arah barat Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT1) yang berlaku pada 10 September 2023 lalu, Kementerian Kerja Raya (KKR) telah mengarahkan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) bersama pemegang konsesi Lebuhraya LPT1 iaitu ANIH Berhad melaksanakan kerja-kerja pembaikan bagi membolehkan lebuh raya dapat dibuka dengan kadar segera kepada lalu lintas.

Kerja – kerja pembaikan ini yang dijadualkan mengambil tempoh masa selama 14 hari bermula pada 13 September 2023, walau bagaimanapun, ianya berjaya disiapkan dalam tempoh lapan (8) hari sahaja. Penyiapan lebih awal ini disebabkan kerja-kerja di tapak dilaksanakan secara intensif antara 16 jam sehingga 24 jam sehari.

YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Kerja Raya hari ini turun padang untuk meninjau keadaan kerja-kerja yang dijalankan di tapak. Turut hadir bersama adalah Ir. Sazali Harun, Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia dan Dato' Nik Fauzi bin Tan Sri Dr. Nik Hussein, Pengurus Eksekutif Kumpulan MTD dan Tn. Hj Imran Gulcharan Abdullah, Ketua Pegawai Eksekutif ANIH Berhad.

Menteri Kerja Raya turut diberikan taklimat semasa lawatan tersebut oleh pihak LLM dan ANIH Berhad berkenaan kejadian kegagalan cerun tambakan dan cadangan pelan tindakan mitigasi yang telah dan akan diambil bagi menyiapkan projek tebatan banjir di kawasan yang terlibat.

Laluan yang ditutup di KM117.8 hingga KM117.9 arah barat sebelum ini akan dibuka semula selewat-lewatnya pada jam 6.00 petang hari ini. Pembukaan lebih awal ini, demi memastikan keselesaan kepada pengguna lebuh raya untuk perjalanan yang lancar.

Dalam usaha Kerajaan MADANI melaksanakan penambahbaikan infrastruktur seperti tebatan banjir ini, pihak KKR, LLM dan ANIH Berhad sentiasa komited untuk menyediakan laluan yang selamat, selesa dan lancar kepada pengguna lebuh raya. Ini juga amat berkait rapat dengan kempen MYJalan yang telah dilancarkan oleh KKR baru-baru ini dalam meningkatkan kesedaran pengguna jalan raya dan juga lebuh raya agar dapat sama-sama menjaga keselamatan dan keselesaan jalan kita bersama.

**KEMENTERIAN KERJA RAYA
21 SEPTEMBER 2023**

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

⊕ WWW.KKR.GOV.MY ⊕ PRO@KKR.GOV.MY ⊕ [KEMENTERIAN KERJA RAYA](#) ⊕ [KKR_MALAYSIA](#) ⊕ [@MOWORKS](#) ⊕ [KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL](#)

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur